

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1995/96

Oktober/November 1995

YBP 301 - Perancangan & Penilaian Kempen Komunikasi

Masa: 2 jam

Bahagian A: Jawab **SATU** (1) soalan.

1. Beri penceraan konsep dan operasionalisasi untuk kempen:

- (a) Penderaan kanak-kanak, dan
- (b) Galakan membaca di kalangan kanak-kanak.

(20 markah)

2. Terangkan perkaitan antara penceraan konsep, pemudahan teknologi dan pembentukan soalan dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai.

(20 markah)

Bahagian B: Jawab **DUA** (2) soalan.

1. William J. McGuire (di dalam Rice & Paisley, 1981, Public Communication Campaign) mengatakan bahawa terdapat beberapa faktor yang perlu dipertimbangkan apabila kita cuba merancang dan melaksanakan sesuatu kempen komunikasi. Faktor-faktor ini ialah punca, mesej, saluran, penerima dan destinasi. Dengan menggunakan misalan projek yang anda pilih bagi kursus ini, bincangkan isu-isu yang perlu dipertimbangkan semasa merancang dan melaksanakan kempen itu kelak bagi setiap faktor yang diuraikan oleh McGuire.

(40 markah)

2. Brenda Dervin (di dalam Rice & Paisley, 1981, Public Communication Campaign) menyatakan bahawa pendekatan "komunikasi sebagai dialog" (communication as dialogue) adalah baik jika dibandingkan dengan model "komunikasi sebagai transmisi" (communication as transmission). Bincangkan perbezaan kedua-dua model ini dengan misalan-misalan yang terdapat di Malaysia.

(40 markah)

3. Bandingkan komponen utama yang terdapat dalam perancangan kempen 'pemasaran sosial' oleh Kotler dengan 'kempen pengembangan strategik' oleh Adhikarya. Terangkan dalam keadaan apakah rangka-rangka tersebut lebih sesuai digunakan?

(40 markah)

-oooOooo-